

Ibu Soko, tua Waris cari rumusan

SEREMBAN, Khamis — Ibu-ibu soko dan tua-tua Waris di Darat daripada Perut Ulu dan Hilir Luak Sungai Ujong dijangka mengadakan satu kerapatan adat minggu depan bagi merumuskan beberapa perkara penting berhubung urusan mencari calon bakal penyanggah pesaka Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Rumusan hasil kerapatan itu dijangka dipersembahkan kepada Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan bagi tindakan selanjutnya, menurut sumber tertinggi adat di sini.

"Dewan Keadilan dan Undang Negeri dalam mesyuarat khasnya Selasa lalu memutuskan untuk memanggil semua ibu Soko dan tua Waris daripada Perut Ulu dan Hilir Luak Sungai Ujong bagi menyelesaikan beberapa isu berhubung urusan perlantikan Datuk Kelana ke-10.

"Oleh itu, ibu-ibu Soko dan tua-tua Waris daripada empat Rumpun Perut Ulu dan dua Rumpun Perut Hilir dijangka mengadakan satu kerapatan adat tidak lama lagi bagi merumuskan beberapa perkara penting berhubung urusan mengisi kekosongan jawatan Undang Luak Sungai Ujong.

"Ini termasuklah mengesahkan kesahihan semua calon Datuk Kelana ke-10 termasuk daripada Rumpun Tinggang yang dikatakan besar kemungkinannya akan dipilih untuk menyandang pesaka Datuk Kelana ke-10," kata sumber itu kepada Berita Harian di sini hari ini.

Sumber itu menjelaskan tiga perkara penting yang dijangka diputuskan dalam kerapatan berkenaan nanti, iaitu:

- Menentukan kesahihan penggantungan jawatan Datuk Andika Mendelika yang disandang oleh Datuk Fadzil Nordin dan jawatan Datuk Penghulu Dagang Paroi yang disandang oleh Datuk Mohd Nor Abdullah. Jawatan mereka digantung oleh sekumpulan anak-anak Waris daripada Perut Hilir pada 4 Mac tahun lalu;

- Menentukan sama ada Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan layak campurtangan dalam urusan pemilihan dan perlantikan Datuk Kelana ke-10;

- Menentukan kesahihan semua calon Datuk Kelana ke-10 daripada Perut Ulu dan Hilir.

"Ibu soko dan tua Waris yang mewakili semua Rumpun berkenaan akan menentukan kesahihan calon-calon Datuk Kelana berdasarkan kepada keterangan beberapa dokumen penting, terutama salasilah keturunan setiap Rumpun.